



Anwar ketika Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Tarik balik rayuan kes kaiimah Allah

Anwar sangkal keputusan tak rujuk Majlis Raja-Raja

PM jelaskan tindakan kerajaan bagi perkemas peraturan

Oleh Latifah Arifin dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyangkal dakwaan bahawa keputusan kerajaan menarik balik rayuan dalam kes kalimah 'Allah' di mahkamah tidak merujuk kepada Majlis Raja-Raja.

Perdana Menteri mengesahkan tindakan menarik balik rayuan sudah dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong, di mana baginda berpandangan semua keputusan yang akan dibuat mengenai isu kalimah 'Allah' harus terikat dengan keputusan Majlis Raja-Raja.

Beliau berkata, Yang di-Pertuan Agong juga memperkenankan supaya isu berkenaan dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI).

"Tuanku memperkenankan supaya kita (kerajaan) merujuk MKI yang dipengerusikan Sultan Selangor yang akan memberikan pandangan bagi memperkemas peraturan ini, (iaitu) tidak boleh dipakai di Semenanjung dan dibolehkan di Sabah dan Sarawak dengan syarat tertentu.

"Insya-Allah, ia akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada Julai nanti," katanya.

Anwar menjelaskan tindakan kerajaan menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes penggunaan kaiimah Allah bertujuan mengelak sebarang keputusan dibuat bercanggah dengan apa yang diputuskan Majlis Raja-Raja.

Katanya, penarikan rayuan itu juga memberi ruang kepada kerajaan untuk menambah baik semua aspek, selaras pandangan serta nasihat Peguam Negara.

Tuduhan tak sepatut timbul

Sehubungan itu, beliau berkata, tuduhan sedemikian tidak sepatutnya timbul kerana keputusan dalam kes Jill Ireland Lawrence Bill lawan Kementerian Dalam Negeri (KDN) terikat dengan keputusan Majlis Raja-Raja.

"Tak timbul sama sekali soal tak dirujuk (kepada Majlis Raja-Raja). Keputusan dibuat Jemaah Menteri pada 7 Februari (lalu) memperakui apa yang disebut oleh Yang di-Pertuan Agong.

"Peguam Negara sudah meneliti dan melihat kes ini, khusus dari segi pentadbiran tidak memabitkan (kalimah) 'Allah' kerana peraturan KDN tidak bersabit dengan dokumen dan cakera padat (dibawa wanita itu) ke Sarawak.

"Maka keputusan Peguam Negara adalah untuk tidak membuat rayuan kerana pada pendapat (Peguam Negara), keputu-

sannya adalah selari dengan keputusan Majlis Raja-Raja.

"Keputusan ini juga sama dengan keputusan yang tidak diubah selama ini terutama (peraturan) pada 1986, bahkan sebelumnya," katanya ketika Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Idris Ahmad (PN-Bagan Serai).

Pada Mac 2021 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam keputusannya menyatakan wanita Kristian dari Sarawak, Jill Ireland, boleh menggunakan kaiimah 'Allah' bagi tujuan pendidikan agama dalam bahasa Melayu dan bahasa ibundanya, bahasa Melanau.

Hakim Mahkamah Tinggi Nor Bee Ariffin berkata, arahan KDN pada 5 Disember 1986 melarang penggunaan perkataan Allah, 'Baitullah', 'Solat' dan 'Kaabah' oleh orang bukan Islam tidak sah di sisi undang-undang kerana bertentangan dengan keputusan Kabinet pada Julai 1986.

Minggu lalu, kerajaan memutuskan untuk menghentikan rayuannya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu.

Anwar turut menegaskan, keputusan menarik balik rayuan berkenaan tidak bermaksud kerajaan memberi ruang kepada orang bukan Islam untuk menggunakan kaiimah 'Allah'.

"Saya tak fikir munasabah untuk dipolitikkan isu ini. Pendirian kerajaan hari ini memperaku keputusan dibuat oleh Majlis Raja-Raja," katanya.